

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1988/89

**EBU 401 JURUTERA DALAM MASYARAKAT**

Tarikh: 29 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi

(2 jam)

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi LIMA (5) mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab EMPAT (4) soalan.  
DUA (2) dari Bahagian A dan DUA (2) dari Bahagian B.
3. Sila gunakan buku jawapan berasingan untuk jawapan Bahagian A dan Bahagian B.
4. Semua jawapan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.
5. Untuk Bahagian A sila gunakan Lampiran "Akta Kontrak 1950" bila diperlukan.

Bahagian A

1. Beri nota ringkas bagi tiga (3) dari yang berikut:

- a) Doktrin tauladan
- b) Mahkamah Perindustrian
- c) Mahkamah Tinggi
- d) Seksyen 3 & 5 Akta Undang-undang Sivil 1956
- e) Parlimen Malaysia

(100 markah)

2. Jawab (a) atau (b)

- a) Pan Dai di Kuala Lumpur membuat tawaran untuk menjual keretanya, pecutlaju x-3 kepada Malang di Ipoh melalui sepucuk surat yang diposkan pada 1hb. Ogos 1988. Surat tawaran tersebut telah diterima oleh Malang pada pukul 10.30 pagi 5hb. Ogos 1988.

Pada 5hb. Ogos jam 4.00 petang, Pan Dai menghantar sepucuk surat membatalkan tawarannya dan menjual keretanya kepada Boh Doh. Surat pembatalan tersebut diterima oleh Malang pada 16hb. Ogos 1988 jam 3.00 petang. Pada pukul 2.00 petang hari yang sama, iaitu 16hb. Ogos 1988, Malang telah memposkan surat yang beliau menerima tawaran Pan Dai. Surat penerimaan tersebut diterima oleh Pan Dai pada 18hb. Ogos 1988.

Bincangkan undang-undang yang wujud di sini dan tindakan yang boleh/tidak boleh diambil oleh pihak yang terlibat.

(100 markah)

- b) i) Jelaskan sama ada wujud kontrak semasa dalam peringkat rundingan. Beri nas yang menyokong jawapan anda.
- ii) Beri nota ringkas mengenai kes-kes Carlill v. Carbolic Smoke Ball Co. [1893], Q.B. 256 dan Hyde v. Wrench [1840]3 Beav. 334.

(100 markah)

3. a) Apakah agensi dan kesannya dari segi undang-undang.  
b) Bolehkah seorang kanak-kanak dilantik menjadi seorang agen? Jelaskan.

(100 markah)

4. Apakah "contract of service"? Huraikan syarat-syarat tersirat yang dikenakan ke atas majikan di dalam Undang-undang Buruh.

(100 markah)

Bahagian B

5. a) Terangkan konsep-konsep asas perakaunan berikut dan berikan sebab-sebab kenapa konsep-konsep ini dianggap perlu di dalam perakaunan.
- i) Konsep aktiviti berterusan  
ii) Konsep terakru  
iii) Konsep ketekalan
- b) Bincangkan kelebihan dan kekurangan syarikat tanggungan berhad bila dibincangkan dengan perniagaan perkongsian.

(100 markah)

6. Berikut adalah data-data daripada dua buah syarikat yang dibinding?

	syarikat A	Syarikat B
	\$	\$
Jualan	4,000	9,000
Kos barang dijual	2,000	7,000
Jumlah perbelanjaan pentadbiran	1,000	1,000
Aset semasa	3,500	6,000
Aset tetap	10,000	12,000
Tanggongan semasa	6,000	6,300
Tanggongan jangkamasa panjang	4,000	5,000
Modal saham - \$ 1 seunit	3,000	6,000
Untung belum dibahagikan	500	700
Harga pasaran seunit saham	4.28	3.50

Kirakan satu nisbah untuk menjawab setiap soalan berikut (tunjukkan kiraan).

- a) Syarikat yang manakah mempunyai kedudukan kewangan semasa yang lebih baik?

...5/-

- b) Syarikat yang manakah mempunyai kadar pulangan ekuiti pemilik yang lebih baik.
- c) Syarikat yang manakah mempunyai margin keuntungan yang lebih menggalakkan?
- d) Berdasarkan data-data di atas, saham syarikat manakah yang lebih baik untuk dilaburkan dan berikan 3 jenis maklumat tambahan yang anda anggap perlu dalam membuat keputusan pelaburan ini.

(100 markah)

oooSooo